



# RESOLUSI



2024

**FSY** FORUM SERANTAU YAPEIM

Pembangunan Ekonomi Islam

Hotel Putrajaya Marriott  
1-2 Oktober 2024

Memperkasa Ekonomi MADANI Melalui  
Sinergi Rangkaian Serantau



**RAKAN**

MEDIA RASMI



PENAJA



RAKAN STRATEGIK KORPORAT (RSK) YAPEIM



Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia  
**Terus Melonjak Memacu Kejayaan**  
#ingatKebajikaningatYAPEIM

1. Usaha menggubal dasar-dasar ekonomi dan kewangan yang berteraskan pembangunan ekonomi Islam yang inklusif dan mampan dipertingkatkan oleh Kerajaan bagi tujuan membolehkan dan memudahkan pengamal industri terus melaksana inisiatif atau program baharu yang efektif lagi efisien yang benar-benar dapat menepati tujuan serta mencapai manfaat dan impak pada tahap optimum.
2. Memperkasa gandingan dan komunikasi antara sektor Kerajaan, swasta, agamawan dan masyarakat sivil agar membina sinergi yang diperlukan bagi merancakkan lagi pembangunan ekonomi Islam dan kesejahteraan rakyat.
3. Membina kerjasama strategik serantau kalangan pelbagai agensi yang berkaitan bagi meningkatkan kesejahteraan ekonomi Islam dan saling lengkap melengkapi antara negara yang terlibat. Ini penting kerana jaringan (*networking*) merupakan antara aset yang terpenting bagi mencetus pelbagai usaha dalam membantu membina ekosistem ekonomi Islam yang kondusif di peringkat serantau.
4. Semua pihak sama ada Kerajaan, swasta mahupun masyarakat sivil meneruskan usaha memerangi kemiskinan dan kesenjangan melalui kerjasama jalinan strategik demi mencapai kesaksamaan dan kemakmuran masyarakat.

5. Memperkasa ekonomi hijau dalam kalangan semua pihak sama ada Kerajaan, swasta mahupun masyarakat sivil bagi mencapai kemampanan ekonomi dan jaminan kesejahteraan alam sekitar.
6. Meningkatkan keupayaan ekonomi digital dalam mempergiat ekonomi Islam bagi memastikan muamalat yang lebih cekap, kolaboratif dan efisien termasuk keperluan meningkatkan modal insan yang menguasai kecerdasan buatan (AI) dan digitalisasi. Kesyediaan sumber kewangan juga sangat penting bagi menampung kos penyediaan platform / infrastruktur digitalisasi.
7. Memperbanyak dan memperkasa usahawan termasuk usahawan sosial sebagai pemangkin kepada pertumbuhan pembangunan kapasiti masyarakat dan seterusnya kemajuan ekonomi negara. Secara langsung, ini akan mencipta perniagaan dan inovasi baharu.
8. Menyediakan sistem pendidikan yang lebih fleksibel tetapi kontemporari dengan memahami dunia pasca normal bagi menyantuni golongan belia yang merupakan generasi masa hadapan dan pelaburan ini haruslah membawa impak yang besar kepada negara dan komuniti.
9. Meningkatkan kesedaran, kefahaman dan kemampuan berkaitan industri halal dalam kalangan usahawan nano, mikro dan kecil yang

membolehkan mereka menembusi pasaran serantau malah antarabangsa.

10. Meningkatkan tadbir urus yang cekap dan telus bagi sektor ketiga dengan pindaan kepada akta-akta yang berkaitan dan pengeluaran garis panduan oleh badan kawal selia bagi perkara-perkara yang berkaitan dan dipandu oleh model *ESG (environment, social and governance)* bagi mengembalikan keyakinan semua pemegang taruh (*stakeholders*).
11. Memanfaatkan ekonomi pasaran dan meningkatkan pendidikan kalangan mereka yang memerlukan bagi pengagihan kekayaan yang lebih saksama dan pembangunan kapasiti ummah yang lebih baik.
12. Membudayakan sikap adaptif bagi menyelesaikan masalah dengan lebih kreatif dan inovatif di semua peringkat.